

HARI : SABTU
TARIKH : 22/2/2020
M/SURAT : 27A

RON97, RON95 naik dua sen

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 dan RON95 masing-masing naik dua sen seliter menjadikan kepada RM2.38 sen seliter dan RM2.08 sen seliter berkuat kuasa tengah malam tadi hingga 28 Februari.

Dalam kenyataan semalam, Kementerian Kewangan bagaimanapun berkata, harga bagi diesel kekal pada harga RM2.14 sen seliter.

Katanya, berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya RM2.08 dan RM2.14 sen seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu bagi harga runcit petrol RON95 yang berada pada paras RM2.06 seliter manakala diesel berada pada paras yang sama RM2.14 seliter," katanya di sini, semalam.